



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
Kementerian Sumber Manusia
(Human Resources Development Berhad)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

12 Ogos 2005

PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/2005

SKIM INSENTIF LATIHAN BAGI MAJIKAN PERUSAHAAN KECIL

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas mengenai pelaksanaan Skim Insentif Latihan Bagi Majikan Perusahaan Kecil yang berdaftar dibawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Hanya majikan perusahaan kecil yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan layak diberi insentif latihan pada kadar RM1.00 bagi setiap RM1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.

2. LATAR BELAKANG

2.1 [Pekeliling Majikan Bil. 6/2005](#) mengenai Skim Insentif Latihan Bagi Majikan Perusahaan Kecil bertarikh 15 April 2005 ada menerangkan mengenai keputusan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan skim tersebut.

2.2 Sejak pelaksanaan Skim Subsidi Latihan pada 2 Ogos 1996 hingga 1 April 2003 ramai majikan kecil telah menikmati faedah yang diharapkan. Kajian mengenai keberkesanan Skim Subsidi Latihan menunjukkan bahawa skim tersebut telah memberi beberapa impak positif seperti berikut:-

- a) Peningkatan jumlah pekerja yang dilatih sebanyak 33.33%;
- b) Peningkatan tahap kemahiran pekerja dari sederhana ke tinggi;
- c) Mengurangkan kadar "reject" bagi sektor perkilangan sebanyak 6.97%;
- d) Meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam sektor perkhidmatan sebanyak 18.78%, dan;
- e) Peningkatan produktiviti sebanyak 16.08%.

3. PELAKSANAAN SKIM INSENTIF LATIHAN MENGIKUT PENDEKATAN YANG BARU

3.1 Oleh kerana pelaksanaan Skim Subsidi Latihan telah memberi kesan yang positif, kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM4 juta untuk meneruskan Skim Subsidi Latihan pada tahun 2005 (sekarang dikenali sebagai Skim Insentif Latihan) supaya majikan perusahaan kecil yang aktif dalam aktiviti latihan diberi ganjaran yang sewajarnya.

3.2 **Pemberian insentif latihan telah diluluskan pada kadar RM1.00 insentif latihan bagi setiap RM1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dibelanjakan** untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja bagi semua Skim Latihan kecuali :-

- a) Skim Pemberian Latihan dan penyediaan Bilik Latihan;

b) Skim Teknologi Maklumat dan Latihan Komputer;

c) Skim berasas Komputer; dan

d) Skim Jurupelan

3.3 Kadar Insentif Latihan yang baru ini bertujuan memberi peluang supaya lebih banyak majikan perusahaan kecil mendapat faedah di bawah Skim Insentif Latihan tersebut.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Peraturan pembayaran insentif latihan unuk majikan perusahaan kecil ini berkuatkuasa bagi semua program latihan yang bermula pada 1 Mei 2005. Kriteria pemberian insentif latihan adalah berdasarkan kepada tarikh program latihan bermula dan tuntutan bantuan kewangan dibuat pada atau selepas 1 Mei 2005. Bagi memberi kefahaman yang lebih jelas, sila lihat beberapa contoh seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1

CONTOH-CONTOH MENGIKUT SKIM LATIHAN YANG MENERANGKAN KELAYAKAN MEMPEROLEHI INSENTIF LATIHAN DIKALANGAN MAJIKAN KECIL

| SKIM | TARIKH KELULUSAN GERAN LATIHAN | TARIKH MULA LATIHAN | TARIKH TUNTUTAN BANTUAN KEWANGAN (BK) | KEPUTUSAN INSENTIF LATIHAN (IL) |
|--|--------------------------------|---------------------|---------------------------------------|--|
| 1. Skim Bantuan Latihan (SBL) & SBL Khas | 2 April 2005 | 3 Mei 2005 | 20 Mei 2005 BK: RM5,000 | Layak IL sebanyak RM5,000 |
| 2. Skim Bantuan Latihan (SBL) & SBL Khas | 20 April 2005 | 29 April 2005 | 19 Mei 2005 BK: RM10,000 | Tidak layak kerana tarikh latihan bermula sebelum 1 Mei 2005 |
| 3. Skim PROLUS & PERLA | - | 5 Mei 2005 | 3 Jun 2005 BK: RM8,000 | Layak IL sebanyak RM8,000 |
| 4. Skim PROLUS & PERLA | - | 5 April 2005 | 15 Mei 2005 BK: RM8,000 | Tidak layak kerana tarikh latihan bermula sebelum 1 Mei 2005 |
| 5. Skim Perantisan | 8 April 2005 | 16 Mei 2005 | 16 Ogos 2005 BK: RM6,000 | Layak IL sebanyak RM6,000 |
| 6. Skim Perantisan | 5 Jan 2005 | 16 Jan 2005 | 16 Ogos 2005 BK: RM6,000 | Tidak Layak kerana tarikh latihan bermula sebelum 1 Mei 2005 |

Berdasarkan Jadual 1 di atas, syarat kelayakan untuk memperolehi insentif latihan ialah tarikh program latihan bermula dan tarikh tuntutan bantuan kewangan dibuat pada 1 Mei 2005 dan tarikh seterusnya.

4.2 Dengan adanya Pekeliling Majikan Bil 7/2005, Pekeliling Majikan Bil. 6/2005 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"PEKERJA CEMERLANG NEGARA TERBILANG"

Yang ikhlas,

(SHHRIL BIN HASSAN)

Pengurus Besar

Bahagian Pembangunan Sumber Latihan

b/p Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
Kementerian Sumber Manusia
(Human Resources Development Berhad)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800
Fax : 03- 2096 4999
15 April 2005

PEKELILING MAJIKAN BIL. 6/2005

SKIM INSENTIF LATIHAN BAGI MAJIKAN PERUSAHAAN KECIL

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua majikan kecil yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) mengenai keputusan pihak kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan Skim Insentif Latihan bagi majikan perusahaan kecil yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di bawah skim insentif latihan ini, kerajaan akan memberi insentif latihan kepada majikan perusahaan kecil pada kadar RM1.00 bagi setiap RM1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada tahun 1996, pihak kerajaan telah menyalurkan dana sejumlah RM20 juta kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia (kini dikenali sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad) untuk melaksanakan skim subsidi latihan mulai 2 Ogos 1996 bagi tempoh lima (5) tahun. Tujuan kerajaan mewujudkan Skim Subsidi Latihan (sekarang dikenali sebagai Skim Insentif Latihan) adalah supaya lebih ramai lagi majikan kecil akan tampil ke hadapan untuk berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) bagi membolehkan mereka melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka.
- 2.2 Di bawah Skim Subsidi Latihan ini, kerajaan telah memberi subsidi latihan pada kadar RM 2.00 bagi setiap RM 1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dicarum oleh majikan perusahaan kecil. Hanya majikan kecil dalam sektor perkilangan yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja dengan modal berbayar kurang dari RM2.5 juta layak menerima subsidi latihan tersebut.
- 2.3 Mulai 2 Ogos 2001 hingga 1 April 2003, Skim Subsidi Latihan telah diperluaskan kepada majikan di sektor perkhidmatan yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja dengan modal berbayar kurang dari RM2.5 juta. Sektor perkhidmatan tersebut meliputi Industri Hotel, Pengangkutan Udara, Perniagaan Pengendalian Pelancongan, Telekomunikasi, Penghantar Angkutan, Perkapalan, Pos atau Kiriman Cepat, Pengiklanan Perkhidmatan Komputer, Tenaga, Penyedia Latihan dan Pendidikan Tinggi Swasta.
- 2.4 Bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan subsidi latihan, kadar pemberian diubah berasaskan kepada RM2.00 subsidi latihan bagi setiap RM1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dibelanjakan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja.
- 2.5 Sejak pelaksanaan Skim Subsidi Latihan dengan menggunakan kadar pemberian baru mulai 2 Ogos 2001, peruntukan yang disediakan di bawah skim ini telah habis digunakan pada Mac 2003. Sehubungan itu, skim ini telah ditamatkan pada 1 April 2003. Hasil kajian keberkesanan mengenai Skim Subsidi Latihan menunjukkan bahawa skim tersebut telah memberi beberapa impak positif seperti berikut:-

- a) Peningkatan jumlah pekerja yang dilatih sebanyak 33.33%;
- b) Peningkatan tahap kemahiran pekerja dari sederhana ke tinggi;
- c) Mengurangkan kadar "reject" bagi sektor perkilangan sebanyak 6.97%;
- d) Meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam sektor perkhidmatan sebanyak 18.78%; dan
- e) Peningkatan produktiviti sebanyak 16.08%

3. PELAKSANAAN SKIM INSENTIF LATIHAN MENGIKUT PENDEKATAN YANG BARU

- 3.1 Oleh kerana pelaksanaan Skim Subsidi Latihan telah memberi kesan yang positif, kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM4 juta untuk meneruskan Skim Subsidi Latihan pada tahun 2005 (sekarang dikenali sebagai Skim Insentif Latihan) supaya majikan perusahaan kecil yang aktif dalam aktiviti latihan diberi ganjaran yang sewajarnya.
- 3.2 **Pemberian insentif latihan telah diluluskan pada kadar RM1.00 insentif latihan bagi setiap RM1.00 levi pembangunan sumber manusia yang dibelanjakan** untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja bagi semua Skim Latihan kecuali :-
 - a) Skim Pemberian Latihan dan penyediaan Bilik Latihan;
 - b) Skim Teknologi Maklumat dan Latihan Komputer;
 - c) Skim berasas Komputer; dan
 - d) Skim Jurupelan
- 3.3 Kadar Insentif Latihan yang baru ini bertujuan memberi peluang supaya lebih banyak majikan perusahaan kecil mendapat faedah di bawah Skim Insentif Latihan tersebut.

4. TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Peraturan pembayaran insentif latihan untuk majikan perusahaan kecil ini berkuatkuasa bagi semua tuntutan geran latihan seperti yang dinyatakan di para 3.2 yang dibayar mulai 1 Mei 2005.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"PEKERJA CEMERLANG NEGARA TERBILANG"

Yang ikhlas,

(SHAHRIK BIN HASSAN)

Pengurus Besar 3
Bahagian Pembangunan Sumber Latihan
b/p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad